



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2026**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

BAHAGIAN A : KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN

[30 markah]

KAEDAH PEMERIKSAAN

1. Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
2. Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria di bawah.
3. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpanduan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 26-30 (28-30) (26-27)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas • Huraian jelas dan matang <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu • Penggunaan tanda baca betul dan tepat <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan • Laras bahasa sesuai mengikut tugas • Wacana lengkap • Pemerenggan sesuai * Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, hadis, maksud Al-Quran dan lain-lain.

Kepujian 20-25 (23-25) (20-22)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas • Huraian jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat • Penggunaan kosa kata luas • Unsur Bahasa yang digunakan bervariasi • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu • Penggunaan tanda baca betul dan tepat <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik • Laras bahasa sesuai mengikut tugas • Wacana lengkap • Pemerenggan sesuai
Memuaskan 15-19 (17-19) (15-16)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas • Huraian masih jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas • Wacana masih lengkap • Pemerenggan masih sesuai

Penguasaan minimum 10-14 (12-14) (10-11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas • Huraian kurang jelas <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat • Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara • Penggunaan kosa kata terhad • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas • Wacana kurang lengkap • Pemerenggan kurang sesuai
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum 01-09 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat



BAHAGIAN B : KARANGAN RESPONS TERBUKA

[70 markah]

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 64-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas dan matang • Contoh yang sesuai <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan unsur bahasa yang bervariasi • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan • Pemerenggan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian 55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas • Huraian jelas • Contoh yang sesuai <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat • Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat • Ejaan dan tanda baca yang betul • Penggunaan unsur bahasa yang masih bervariasi • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan • Pemerenggan yang sesuai • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan • Laras bahasa sesuai mengikut tugas

Baik 45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas - Huraian masih jelas - Contoh masih sesuai <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - Penggunaan kosa kata umum - Ejaan dan tanda baca yang masih betul - Penggunaan unsur bahasa yang masih bervariasi - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik - Pemerenggan masih sesuai - Wacana masih lengkap - Laras bahasa sesuai mengikut tugas
Memuaskan 35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih / kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas - Huraian kurang jelas - Contoh kurang sesuai <u>Bahasa</u> - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan unsur bahasa yang kurang bervariasi - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik - Pemerenggan kurang sesuai - Wacana masih / kurang lengkap - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas

Penguasaan minimum 21-34 (28-34) (21-27)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas / bercampur aduk - Huraian tidak jelas / tidak berkembang - Contoh yang tidak sesuai <u>Bahasa</u> - Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Penggunaan unsur bahasa yang tidak bervariasi - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <u>Pengolahan</u> - Pengolahan tidak menarik - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - Wacana tidak lengkap
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum 01-20 (11-20) (01-10)	- Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami - Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik - Pengolahan tidak menarik - Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang - Wacana tidak lengkap

Format penulisan komen

T - menjawab tugas

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

***** kesalahan format/ ejaan / bahasa /tanda baca / tatabahasa ditanda seperti biasa tetapi TIADA penolakan markah.**

SOALAN BAHAGIAN A [30 markah]

1. Format penulisan komen:

- T** menepati tema / tugas
- I** relevan, huraian jelas
- B** gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P** sangat menarik dan berkesan

Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini **mesti** dijawab*

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pencemaran sungai di Malaysia.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran sungai di Malaysia.***

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

2. Kehendak / tugas soalan:

- i) Calon dikehendaki menghuraikan **langkah-langkah / cara-cara / kaedah-kaedah / usaha-usaha / strategi-strategi mengatasi pencemaran sungai di Malaysia.**
 - Kempen sayangi sungai
 - Denda / kompaun
- ii) Calon perlu menyentuh **semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau penutup.
- iii) Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **langkah-langkah / cara-cara / kaedah-kaedah / usaha-usaha / strategi-strategi mengatasi pencemaran sungai di Malaysia :**
 - diterima dan disemak seperti biasa.
- iv) Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN.**
- v) Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN.**
- vi) Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- vii) Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**

SOALAN BAHAGIAN B [70 markah]

1. Format penulisan komen

T menjawab tugas
I relevan, huraian jelas
B gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
P menarik dan berkesan

1

SHAH ALAM - Malaysia berkemungkinan kehilangan hutan seluas 2,346,601 hektar bersamaan 100 kali ganda saiz Kuala Lumpur. Kajian oleh satu kumpulan alam sekitar, RimbaWatch turut menganggarkan aktiviti pembersihan hutan berpotensi mengurangkan litupan hutan Malaysia kepada 15,636,737 hektar atau 47.35 peratus daripada keluasan tanah seluruh negara pada masa akan datang. Isu penebangan hutan ini tidak boleh dipandang ringan kerana boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar.

Sumber: www.sinarharian.com.my, 21 Mac 2023

Bincangkan kesan-kesan tersebut.

Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki menghuraikan idea luar **kesan-kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar** iaitu:

1. Banjir kilat
2. Hakisan tanah
3. Kepupusan flora dan fauna
4. Menjejaskan kehidupan manusia
5. Kekurangan bekalan air bersih

- Idea yang berkaitan dengan **kesan-kesan negatif penebangan hutan kepada manusia dan alam sekitar** diterima.

2

Secara umumnya, rakyat negara ini tidak mempunyai kesedaran dalam amalan menabung atau menyimpan wang. Profesor Kanan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Shazali Abu Mansor, berkata budaya menabung dalam kalangan rakyat kita masih rendah sekali gus menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada bantuan dan subsidi kerajaan. Hakikatnya, budaya menabung ini sangat penting terutamanya untuk kegunaan ketika menghadapi situasi kecemasan.

Sumber: www.bharian.com.my, 30 Oktober 2020

Huraikan kepentingan yang terdapat dalam petikan di atas berserta kepentingan-kepentingan lain budaya tersebut.

Kehendak / tugas soal

Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan menabung yang terdapat dalam petikan berserta kepentingan-kepentingan lain.**

Idea dalam petikan :

1. Ketika menghadapi situasi kecemasan

Idea luar :

1. Menjamin masa depan
 2. Membantu seseorang mencapai cita-cita atau impian
 3. Mengelakkan pembaziran
- Idea yang berkaitan dengan **kepentingan menabung jika sesuai** diterima.

Kemungkinan jawapan

1. Menghuraikan isi dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Menghuraikan isi luar sahaja – maksimum **KEPUJIAN**

Di Malaysia, kesesakan jalan raya telah lama menjadi masalah yang tiada titik noktah, malah sehingga kini kelihatan lebih serius dan merugikan banyak pihak. Antara lokasi yang sering menjadi titik panas kesesakan dan menerima rungutan pengguna jalan raya ialah Lembah Kelang, Melaka, Pulau Pinang dan beberapa bandar lain atas pelbagai faktor seperti proses perbandaran dan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang berlaku di negara kita.

Sumber: malaysiagazette.com.my, 6 Julai 2023

Huraikan peranan-peranan tersebut.

Kehendak / tugas soal:

1. Calon dikehendaki menghuraikan **peranan pelbagai pihak untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya yang berlaku di negara kita.**

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak tetapi aspek yang sama – **terima seperti biasa**
2. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja tetapi pelbagai langkah – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon tidak menyatakan peranan mana-mana pihak / umum – maksimum peringkat **BAIK**
4. Calon menghuraikan peranan satu pihak dan satu langkah – maksimum peringkat **BAIK**

Penggunaan rokok elektronik atau vape secara berleluasa dalam kalangan remaja bukan lagi isu sampingan tetapi memuncak menjadi krisis nasional. Mengikut statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS), pada 2017 kadar penggunaan vape dalam kalangan remaja adalah 9.8 peratus, meningkat kepada 14.9 peratus pada 2022. Menurut Dr. Nizam Baharom daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), antara faktor yang mendorong golongan remaja terlibat dalam aktiviti ini seperti pengaruh rakan sebaya, promosi melalui media sosial dan perasaan ingin mencuba.

Sumber: www.bernama.com.my, 21 Januari 2026

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor tersebut.

Kehendak / tugas soal

1. Calon dikehendaki **menghuraikan faktor-faktor yang mendorong remaja menghisap rokok elektronik**, iaitu
 - i. Pengaruh rakan sebaya
 - ii. Promosi melalui media sosial
 - iii. Perasaan ingin mencuba

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan berserta isi luar maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan sahaja peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon menghuraikan peranan sebahagian pihak sahaja maksimum peringkat **KEPUJIAN**
4. Calon menghuraikan isi luar – maksimum peringkat **BAIK**



- ❖ Jika calon menulis dalam bentuk poin (Bahagian A dan bahagian B) – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
- ❖ **Bahagian B:**
 - Bilangan perkataan 511 dan ke atas – maksimum peringkat **Kepujian**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum peringkat **Baik**

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan.

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al Quran / kata-kata tokoh
7. Penanda Wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata sendi di + KN / ke + sana
10. Angka
11. Kata majmuk



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
CAWANGAN KELANTAN**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2026**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **5** markah

Soalan 3: **12** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata dasar tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca yang betul.
4. Sekiranya beberapa kata dasar telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan berikan 0 markah.
7. Kata dasar digunakan sebagai kata nama khas, peribahasa atau digandakan, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

Soalan 1 – Morfologi

Kata Dasar

- (i) bina (membina)
- (ii) panjang (berpanjangan)
- (iii) sihat (kesihatan)
- (iv) didik (pendidikan)

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Bina Ayat Tanya

1. **Siapakah** yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan aktiviti selepas sesi persekolahan?
Yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan aktiviti selepas sesi persekolahan **siapa**?
2. **Apakah** tujuan aktiviti selepas sesi persekolahan diadakan?
Tujuan aktiviti selepas sesi persekolahan diadakan **apa**?
3. **Mengapakah** pelaksanaan aktiviti selepas sesi persekolahan memerlukan perancangan yang sistematik?
Kenapakah pelaksanaan aktiviti selepas sesi persekolahan memerlukan perancangan yang sistematik?
Pelaksanaan aktiviti selepas sesi persekolahan memerlukan perancangan yang sistematik **kenapa**?
4. **Berapakah** murid yang terlibat dalam sesuatu aktiviti mengikut jenis program yang dijalankan?
Murid yang terlibat dalam sesuatu aktiviti mengikut jenis program yang dijalankan **berapa**?
5. **Di manakah** tempat yang paling sesuai jika aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan?
Tempat yang paling sesuai jika aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan **di mana**?

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 1

1. Organic - organik
2. Pada - di
3. Pendetang - pengunjung
4. Pengawal - pegawai
5. Buah-buah - buah-buahan
6. Mewarnai - mewarna

[Maksimum : 6 markah]

Bahan 2

1. Tranformasi - transformasi
2. Demi untuk - untuk
3. Akan - dengan
4. Di dalam - dalam
5. Jimatkan - menjimatkan
6. Dioptimakan - dioptimumkan

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi tidak lengkap, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat / Isi tidak mengikut urutan / salah fakta	0

Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard

Titah Seri Betara, “Wahai Patih Gajah Mada, segera (lah) menghantar/hantar Kertala Sari ke Melaka.” Patih Gajah Mada menyediakan/melengkapkan sebuah perahu dengan 10 orang yang akan pergi/ ke sana. Setelah sudah lengkap/bersedia/siap, Kertala Sari (pun) belayar (lah).

Beberapa lama kemudian, Kertala Sari (pun) sampai/tiba di Melaka. Kertala Sari (dia) singgah di luar kota iaitu di kampung orang Jawa.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 - Peribahasa

Peribahasa berdasarkan situasi

- | | |
|-------------------------------------|---|
| (i) Serampang dua mata | 2 |
| (ii) Malang tidak berbau | 2 |
| (iii) Sediakan payung sebelum hujan | 2 |
| (iv) Bertanggung itu pencuri masa | 2 |

(peribahasa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6: **13** markah

Soalan 7: **12** markah

Soalan 8: **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman teks dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	

- Jawapan salah	0
-----------------	---

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) /menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) /menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) /menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas /ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) /menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

(i) Maksud *semakin popular*

- | | |
|---|----|
| - bertambah/menjadi lebih/digemari/disukai/terkenal | 2m |
| - bertambah/menjadi lebih popular | 1m |
| - semakin digemari/disukai/terkenal | 1m |

(ii) **Manfaat-manfaat e-sukan**

Bahan 1

- P1 menjana pendapatan daripada hadiah kemenangan yang lumayan.
- P2 mendapat penghormatan yang tinggi apabila berjaya mengalahkan nama-nama besar dalam industri ini.

Bahan 2

- P3 membina pemikiran kritis, inovatif dan kreatif
- P4 memupuk semangat kerjasama sesama ahli
- P5 meredakan tekanan kerja dan mengurangkan stres.

Bahan 3

- P6 meningkatkan keyakinan diri
- P7 memudahkan kita berkenalan dengan ramai kawan
- P8 menyeronokkan malah membina keyakinan dan persahabatan yang bermakna

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Faktor-faktor yang mendorong penglibatan golongan belia dalam e-sukan**

- P1 promosi berterusan dalam media sosial
- P2 penganjuran pertandingan di peringkat kebangsaan dan antrabangsa
- P3 hadiah yang lumayan
- P4 dorongan rakan sebaya
- P5 galakan daripada ibu bapa
- P6 kecanggihan teknologi permainan video

(Faktor lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Cadangan usaha-usaha untuk menggalakkan murid-murid menyertai pertandingan e-sukan**

- P1 memberikan penerangan tentang kelebihan e-sukan
- P2 menampalkan poster pertandingan e-sukan pada papan kenyataan sekolah
- P3 unit sukan sekolah mengadakan bengkel/ seminar e-sukan
- P4 mengadakan sesi latihan kepada murid yang berminat
- P5 menawarkan hadiah yang menarik
- P6 mempromosikan pertandingan ini melalui laman web sekolah

(Usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) maksud *mencerminkan kegelisahan*

- membayangkan/menggambarkan/menunjukkan/
kerisauan/kekhuatiran/keresahan 2m
- membayangkan/menggambarkan/menunjukkan kegelisahan 1m
- mencerminkan kerisauan/kekhuatiran/keresahan 1m

(ii) **Kelebihan-kelebihan ilmu**

Bahan 1

- P1 menerangi jiwa yang tenggelam dalam kegelapan kekeliruan dan kealpaan
- P2 menghiburkan hati yang berduka
- P3 merupakan teras kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Bahan 2

- P4 menerangi hidup [hidup akan tersuluh]
- P5 disayangi/dikasihi orang pada setiap masa [dikasihi orang setiap masa]
- P6 tidak mudah ditipu oleh orang

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) **Kesan-kesan kurang memberikan perhatian kepada penguasaan ilmu**

P1 mudah terpengaruh dengan perkara negatif

P2 sukar membuat keputusan yang bijak

P3 kurang keyakinan diri

P4 hilang adab dan nilai murni

P5 kesejahteraan hidup terjejas

P6 masa depan menjadi tidak cerah

(Kesan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Tindakan-tindakan membantu rakan**

P1 memberi sokongan moral dan motivasi

P2 mengadakan kutipan dana

P3 mencari biasiswa atau pinjaman pendidikan

P4 mencari pekerjaan sambilan

P5 menghubungkannya dengan pihak berkaitan/guru/kaunselor/badan kebajikan

P6 mengurus pengangkutan atau tempat tinggal

(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

Panduan pemarkahan bagi 8(i)

(a) Jika calon **menyalin keseluruhan petikan tanpa pangkal ayat**, berikan **0 markah**

(b) Jika calon **menyalin keseluruhan petikan dengan menulis pangkal ayat**, berikan **separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja**.

- (c) Jika calon **menyalin isi secara terpilih dan tiada pangkal ayat**, periksa seperti biasa. (rujuk deskripsi pemarkahan)

(i) **Kampung Sri Purnama dikatakan tidak terlalu mundur**

P1 lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik.

P2 jalannya sudah diturap

P3 lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa

P4 ada pula sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian

Nota : Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(i) **Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dikaji.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh.
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

- 8(ii) Peristiwa yang dapat **memberi motivasi** kepada pembaca dan kemukakan pendapat anda.

[6 markah]

NOVEL PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa:** Dr. Raiha belajar dengan tekun sehingga berjaya menjadi doktor pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
Pendapat : Peristiwa ini dapat memberi motivasi pembaca agar rajin menuntut ilmu demi mencapai cita-cita.
2. **Peristiwa:** Walaupun sibuk dan menghadapi tekanan kerja, Dr. Raiha tetap mengutamakan keselamatan pesakitnya.
Pendapat : Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca supaya amanah dan berdedikasi dalam menjalankan sesuatu pekerjaan.
3. **Peristiwa:** Walaupun kehilangan anak kesayangannya Rohayu dalam kejadian kebakaran kereta, Dr. Raiha masih mampu meneruskan kehidupannya dan bekerja sebagai doktor.
Pendapat: Peristiwa ini memberi motivasi kepada pembaca agar reda dan tabah menghadapi ujian yang berat.
4. **Peristiwa:** Peristiwa Ibu Unong Siron yang sanggup tidur di atas lantai hospital semasa menjaga anaknya yang mendapat rawatan di Pusat Rawatan Pantai Kasih.
Pendapat: Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca agar menjadi seorang ibu yang bertanggungjawab dan penyayang.

NOVEL BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop

1. **Peristiwa:** Walaupun berada dalam keadaan berbahaya namun Muhammad Taufik tetap berani dan tidak mengalah demi mempertahankan khazanah alam yang semakin musnah akibat pencemaran cahaya. Muhammad Taufik telah diculik oleh individu yang

tidak bertanggungjawab kerana usahanya untuk menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap dianggap mengganggu kepentingan pihak tertentu.

Pendapat: Peristiwa ini memberi motivasi kepada pembaca supaya berani mempertahankan perkara yang benar dan tidak mudah berputus asa walaupun berhadapan dengan ancaman serta cabaran yang besar.

2. **Peristiwa:** Nurul Hafsa berusaha bersungguh-sungguh untuk menyedarkan masyarakat tentang kesan pencemaran cahaya terhadap habitat kelip-kelip dan keindahan langit malam. Walaupun cadangan tersebut pada awalnya dipandang remeh dan kurang mendapat perhatian.

Pendapat : Peristiwa ini dapat memberi motivasi kepada pembaca agar sentiasa cekal dan yakin pada kemampuan diri dalam mencapai sesuatu matlamat

3. **Peristiwa:** Muhammad Taufik yang mempunyai kepakaran dalam bidang astronomi sanggup pulang dari luar negara untuk membantu menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor.

Pendapat: Peristiwa ini memberi motivasi kepada pembaca supaya memanfaatkan ilmu yang dimiliki demi kesejahteraan masyarakat dan negara

4. **Peristiwa:** Sebagai abang, Budiman sentiasa mengambil berat tentang keselamatan dan kebajikan adiknya ketika Nurul Hafsa berdepan dengan pelbagai cabaran dalam usaha memelihara alam sekitar.

Pendapat: Peristiwa ini memberi motivasi kepada pembaca tentang pentingnya sokongan keluarga dalam membantu seseorang mencapai kejayaan.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
- (b) Bahasa - **10 markah**

- (a) Isi [**20 markah**]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- Tarikh
- Gelaran
- nama khas
- penanda wacana
- peribahasa / pantun
- perkataan berganda
- penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima									Markah Maksimum
Pendahuluan											2
(a) Fokus 1 cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan											16
Bahan 1	4	4	4	3	3	3	2	2	1		
(b) Fokus 2 Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara											
Bahan 1	3	2	1	3	2	2	3	3	3		
Bahan 3	2	1	2	1	2	1	2	1	2		
(c) Fokus 3 Manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan/ kelebihan-kelebihan											
Bahan 2	2	1	1	1	1	2	1	2	2		
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	8	8		
Penutup /Kesimpulan											2
JUMLAH MARKAH											20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	- Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik - Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata luas dan tepat - Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik - Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik - Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu - Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat - Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- (ii) Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan Kesimpulan.
- (iii) Jika calon memperoleh markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- (iv) Jika calon memperoleh markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- (vii) Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- (viii) Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- (ix) Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum: 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

		Markah
P1	... membincangkan cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memperkasakan bidang TVET serta manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan bidang TVET.	2
P2	... membincangkan cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memperkasakan bidang TVET	1
P3	... membincangkan cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan	1

Vokasional (TVET) dan **manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan** bidang TVET.

P4	... membincangkan cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	1
P5	... membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara memperkasakan bidang TVET	1
P6	... membincangkan manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan bidang TVET.	1

FOKUS 1 – cabaran-cabaran / kekangan-kekangan / halangan-halangan

Bahan 1

A1	kebanyakan ibu bapa beranggapan bahawa bidang kemahiran hanya untuk murid yang keciciran dalam pelajaran	2
A2	masyarakat yang berpandangan bahawa bidang kemahiran sebagai pendidikan kelas kedua	2
A3	pengkhususan kemahiran dianggap sebagai bidang yang tidak mempunyai masa hadapan	2
A4	tidak berpeluang menjawat jawatan yang bergaji lumayan	2

FOKUS 2: Langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara

Bahan 1

B1	Pihak kerajaan perlu melancarkan kempen kesedaran yang menyeluruh tentang kelebihan pendidikan TVET	2
B2	kerajaan telah menyediakan peluang kepada graduan TVET untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di institut pendidikan tinggi (IPT)	2
B3	kerajaan telah mewujudkan institusi TVET di seluruh negara	2

Bahan 3

C1	Pihak kerajaan menggalakkan perkongsian kepakaran dan teknologi terkini antara industri dan penyedia Latihan TVET	2
C2	Pihak Kerajaan memperluas insentif khas bagi menggalakkan penglibatan industri	2

FOKUS 3: Manfaat-manfaat / kepentingan-kepentingan / kelebihan-kelebihan

Bahan 2

D1	TVET mampu menyediakan latihan berfokus kepada kemahiran teknikal dan vokasional yang diperlukan dalam pelbagai industri	2
D2	Graduan TVET mempunyai peluang pekerjaan yang lebih tinggi disebabkan kemahiran yang dimilikinya	2

Kesimpulan [2 markah]

K1	Kesimpulannya, bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) hendaklah dimajukan / diperkasakan supaya / agar menjamin masa depan yang lebih cemerlang.	2
K2	Kesimpulannya, bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) hendaklah dimajukan / diperkasakan	1

(kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT